

Bangunan MAM dilengkapi pelbagai kemudahan

BH 23 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Setasa — Ibu pejabat Majlis Aids Malaysia (MAM) yang baru di Sentul dilengkapi pelbagai kemudahan untuk ahli gabungan dan orang ramai untuk mendapat maklumat mengenai HIV dan Aids.

Bangunan itu yang dirasmikan oleh isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, hari ini juga menjadi pusat pengurusan dan pengelolaan akitiviti badan berkenaan.

Pengerusi MAM, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata pembinaan bangunan itu juga dapat menampung pelbagai kegiatan pencegahan

dan penjagaan HIV/Aids berikutan epidemik itu yang semakin serius.

“Dalam tempoh lapan tahun ini, aktiviti pencegahan dan penjagaan sudah meningkat dan menuntut MAM memiliki bangunan sendiri,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata, MAM yang menggabungkan 32 badan bukan kerajaan kini mempunyai 26 kakitangan sepenuh masa.

Katanya, badan itu yang ditubuhkan pada 1992 bertujuan menyelaras aktiviti dan menyalur dana daripada Kementerian Kesihatan

kepada ahli gabungan.

Turut ditempatkan di bangunan lima tingkat itu ialah pusat operasi Yayasan Aids Malaysia yang menguruskan dana serta perkhidmatan rawatan dan maklumat kepada orang ramai.

Marina berkata, lebih 28 syarikat, termasuk Unit One Design Consultancy, DRB Hicom Group, Sony Sdn Bhd, Sapura Group of Companies, Acumen Marketing Sdn Bhd, KUB Bhd, Chimera Design dan ICI Paints Sdn Bhd menderma wang, barangan dan perkhidmatan kepada badan berkenaan.